

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Sesungguhnya al-Quran al-Karim yang diturunkan Allah S.W.T kepada rasul terakhir nabi Muhammad S.A.W ialah kitab suci yang merupakan kemuncak perkembangan kitab-kitab suci yang pernah diturunkan kepada umat manusia. Sebuah perlembagaan hidup yang telah pun memberi kejayaan besar kepada orang-orang Islam yang ulung yang memahami dan mengamalkan ajarannya. Mengubah orang-orang Islam purbakala dari satu umat yang mundur kepada satu umat yang memegang ubur tamadun alam berkurun-kurun lamanya. Sebuah sumber hidayah untuk manusia mencari jalan mengenal tuhan yang sebenar (Allah S.W.T). Mencari jalan yang lurus dalam semua urusan hidup dan mencari jalan kebahagiaan, perdamaian, kejernihan dan keagungan dunia dan akhirat.

Kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dalam bahasa Arab sebagai pedoman kepada manusia di muka bumi ini bagi membuktikan kerasulannya dan kewujudan pencipta-Nya bermula dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah an-Nas. Sesungguhnya al-Quran adalah merupakan mukzijat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W .

Setiap ayat yang diwahyukan oleh Allah S.W.T mempunyai makna-makna yang tersendiri yang mana ia boleh difahami secara jelas, tanpa sebarang kesamaran atau ia boleh difahami secara tersembunyi, yang ia memerlukan kepada penjelasan serta penerangan.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Hajr, ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya*”

Berdasarkan ayat tersebut, Allah S.W.T menegaskan bahawa al-Quran akan dijaga sehinggalah selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W melalui huffaz al-Quran sampailah pada hari ditiupkan sangkakala iaitu Qiamat. Allah S.W.T juga telah menentukan bacaan ayat tersebut dari sudut kedudukan ayat al-Quran tersebut.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَالسُّنَّةِي. رواه إمام مالك

Maksud sabda Nabi Muhammad S.A.W: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara. sekiranya kamu berpegang pada kedua-duanya, kamu tidak akan sesat selamanya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan Sunnahku". Hadith riwayat Imam Malik. Berdasarkan maksud hadith, menjelaskan peranan al-Quran dan as-Sunnah dalam pembentukan tamadun Islam.

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ. رواه البخاري

Daripada 'Uthman bin A'ffan (r,a) berkata: Rasulullah S.A.W bersabda: "Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya". Hadith riwayat Imam al-Bukhari.

Berdasarkan maksud hadith, menyatakan kelebihan orang mempelajari dan mengajarkannya ilmu al-Quran.

Antara hak-hak al-Quran ialah memperelokkan bacaannya iaitu dengan memperelokkan sebutan semasa membaca (tilawah/tartil). Firman Allah S.W.T:

﴿۝۱﴾ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً

Maksud firman Allah S.W.T: " Dan bacalah olehmu Al-Quran itu dengan tartil".

Surah Al-Muzammil ayat: 4.

## 1.1 Pengenalan

Kajian ini merupakan satu penyelidikan eksperimen yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran di Kolej Islam Darul Ridzuan, Perak. Kajian ini berkonsepkan pemantauan dan pemerhatian terhadap kesan penggunaan buku *Tamhid al-Baghdadi* sebagai satu metod pembelajaran dan pengajaran al-Quran di peringkat asas.

Buku *al-Baghdadi* dipilih sebagai subjek kajian ini adalah kerana sebab-sebab berikut:

- i. Penulis merupakan pengajar yang mengajar al-Quran al-Karim. Kaedah yang pernah digunakan oleh penulis ialah kaedah *al-Baghdadi* yang menggunakan buku *Muqaddam* dan kaedah Fonik yang menggunakan buku *Iqra'*. Penulis telah mengikuti Kursus Asas Teknik *al-Baghdadi* dan Perunding *al-Baghdadi* yang dianjurkan oleh Syihab Resouces, penulis mendapati kaedah ini lebih senang dan mudah difahami. Penulis ingin meninjau sejauh manakah buku *Tamhid al-Baghdadi* yang menggunakan pendekatan sistem SAS (struktur, analisis, dan sintesis) padat dan ringkas serta kreatif melalui penemuan ABM (alat bantu mengajar) yang dinamakan sebagai alat ketuk memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanannya.
- ii. Kaedah ini baru sahaja diperkenalkan di Malaysia iaitu baru menjangkau 3-4 tahun. Populasi penggunaannya masih belum meluas. Penulis ingin menjadikan hasil kajian ini sebagai bahan rujukan untuk

dinilai dan diambil manfaat dalam usaha mempelbagaikan kaedah mengajar al-Quran.

- iii. Penulis melihat keunikan dan perbezaannya yang amat ketara berbanding kaedah dan teknik-teknik mengajar membaca al-Quran yang lain.

Penyelidikan ini dijalankan selepas sampel didedahkan dengan teknik *al-Baghdadi* pada waktu pembelajaran di kolej selama 3 bulan. Sekiranya ramai dikalangan sampel tidak mampu menamatkan pembelajarannya dalam tempoh 3 bulan, tempoh penyelidikan akan dilanjutkan lagi selama 3 bulan. Penyelidikan ini akan menjadikan ujian bacaan sebagai instrumen utama.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Membaca al-Quran merupakan satu tuntutan agama Islam. Tanpa kemahiran bacaan al-Quran, rukun-rukun Islam dan fardhu-fardhu yang lain tidak dapat dijalankan terutamanya solat lima waktu. Oleh sebab itu, kewajipan belajar membaca al-Quran menjadi fardhu ain kepada semua umat Islam.

Kajian oleh Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff, Profesor di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, UM dan Saidi bin Mohd, Pensyarah di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu bertajuk *Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di negeri Terengganu* menunjukkan tahap penguasaan pelajar membaca al-Quran berada pada tahap yang membimbangkan. Kajian pada tahun 2008

tersebut mengambil 8 buah sekolah menengah sebagai sampel dan dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package For Social Science), T-Test, Anova dan Analisis Korelasi. 38.2% pelajar secara tepatnya seperti yang diuraikan pengkaji adalah buta huruf walaupun pelbagai kajian dan usaha telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan pengajaran al-Quran. Pengkaji yang merujuk kepada kajian-kajian kebelakangan menunjukkan peratusan pelajar buta huruf yang tinggi ini bukan merupakan fenomena baru bahkan mendapat perhatian ramai pihak bagi mencari penyelesaian yang sewajarnya. Pada tahun 2005 umpamanya, program j-QAF dilaksanakan dengan sepenuhnya dengan memperkenalkan modul-modul yang membasmi buta al-Quran di kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah lagi. Ini bertitik tolak atas kesedaran pentingnya penghayatan al-Quran tersebut dalam pembentukan sahsiah pelajar dan ibadah seharian (Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff & Saidin bin Mohd 2008).

Kajian yang dibuat terhadap 376 orang mahasiswa daripada 17 fakulti di UiTM Shah Alam oleh Siti Fatimah Sudin (2002) mengenai tahap pembacaan al-Quran pelajar turut menunjukkan peratusan yang perlu dibimbangkan. Pembacaan” seperti yang didefinisikan dalam kajian adalah suatu proses mengenal, mengecam, mengucap perkataan yang tertulis atau yang tercetak dan memahami apa yang dibaca. Ianya juga ditakrifkan memerlukan pemikiran yang aktif dikalangan pembaca. Pengkaji mengkaji beberapa aspek yang kritikal namun apa yang ingin diketengahkan untuk dikongsikan bersama adalah berkenaan peratusan tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar berikut:

Rajah 1 Tahap Pembacaan al-Quran di Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam

<b>Tahap Pembacaan al-Quran</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Lancar	79	21
Sederhana	271	72
Tidak lancar	26	7
<b>Jumlah</b>	<b>376</b>	<b>100</b>

Seperti yang pengkaji bangkitkan dalam kajian bahawa bilangan pelajar yang berada pada tahap pembacaan al-Quran yang tidak lancar hanya seramai 26 orang, tetapi sekiranya diambil kira kepada keseluruhan populasi kajian, kadar tidak lancar ini akan menjadi lebih besar bilangannya. Umpamanya seperti berikut:

Jika bilangan pelajar sesebuah institusi adalah seramai 10,000 orang pelajar.

$$10,000/376=26.5-27$$

26 orang pelajar tidak lancar X 27 = 702 orang pelajar tidak lancar membaca al-Quran.

702 bukanlah satu jumlah yang kecil.

Ini belum lagi mengambil berat perihal pelajar yang mempunyai tahap bacaan yang sederhana yang lebih besar jumlah peratusannya. Pengkaji juga turut menunjukkan dapatan kajian bahawa tahap kelancaran pembacaan al-Quran mempunyai hubungkait dengan peringkat mula belajar al-Quran. Hasil dapatan kajian pengkaji jelas membuktikan tahap kelancaran pembacaan al-Quran pelajar terjejas sekiranya belajar membaca al-Quran di peringkat yang agak lewat.

Rajah 2 Perbandingan Di Antara Peringkat Mula Belajar Membaca Dengan Tahap Pembacaan al-Quran (mengalami sedikit olahan pada bentuk carta namun masih merujuk pada data sebenar hasil kajian)

Rajah di atas sebenarnya boleh dirujuk pada kajian Siti Fatimah Sudin (2002) pada halaman 102 Rajah 4.1. Ini jelas memberi tahu kita peri pentingnya pembelajaran al-Quran di peringkat awal lagi terhadap tahap penguasaan pembacaan al-Quran pelajar pada masa akan datang.

Justeru, salah satu perkara yang ingin diketengahkan melalui Teknik *al-Baghdadi* yang akan diperkenalkan kemudian adalah dengan melahirkan seramai mungkin pelajar yang boleh membaca al-Quran seawal usia dalam masa yang singkat secara praktikal bukan teori semata-mata. Pengkaji juga merujuk kajian lepas oleh Abd Razak Othman (1988) tentang Pendidikan Islam di sekolah rendah di Malaysia yang kurang mencapai matlamat kerana masa yang diperuntukkan sebanyak 30 minit untuk satu pengajaran Asuhan Membaca al-Quran dalam satu kelas Pendidikan Islam menyebabkan guru tidak dapat memberi perhatian kepada pelajar yang terlibat. Masalah ini sebenarnya cuba diatasi dengan pelbagai usaha dan yang terbaru dengan pengenalan j-QAF seperti yang disebut sebelum ini iaitu penambahan bilangan guru yang dinisbahkan dengan bilangan pelajar. Ini sebenarnya masih tidak mengubah peratusan pelajar yang tercicir dalam pendidikan al-Quran.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif atau matlamat kajian ini adalah bertujuan;

1. Mengenalpasti keberkesanan Teknik *al-Baghdadi* dalam pembelajaran bacaan al-Quran.
2. Mengkaji keberkesanan sistem SAS (Struktur, Analisis, dan Sintesis) yang terbukti berkesan dalam pembelajaran al-Quran.
3. Merumuskan kesesuaian Teknik *al-Baghdadi* dengan tempoh pembelajaran di IPT Malaysia.

### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang kajian, kepentingan kajian dan objektif kajian, maka penulis merasakan kajian ini perlu menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

1. Adakah Teknik *al-Baghdadi* ini terbaik berbanding dengan kaedah-kaedah yang sedia ada?
2. Apakah sistem pengenalan asas kemahiran membaca al-Quran berdasarkan kaedah Teknik *al-Baghdadi* ini berkesan?
3. Adakah sesuai pendekatan Teknik *al-Baghdadi* dengan tempoh pembelajaran IPT Malaysia?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Sesungguhnya pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dilakukan oleh yang Maha Mengetahui, maka sudah tentu ia bertepatan sekali dan bahasa tersebut memenuhi pelbagai kriteria istimewa yang tidak dapat dalam bahasa lain. Sehubungan dengan itu, satu kajian mendalam tentang keistimewaan kaedah Teknik al-Baghdadi sebagai pemudah untuk seseorang mempelajari dan mengajar al-Quran dengan lebih mudah, inovatif, bersistematik, pendekatan yang praktikal dan pengajaran yang efektif. Kajian yang dijalankan ini berkepentingan untuk:

- i. Melihat sejauh mana keberkesanan teknik ini dan tempoh pembelajaran yang digunakan. Jika baik dapatan yang diperolehi dapatlah ia dijadikan satu bahan pengajaran dan pembelajaran al-Quran.
- ii. Membantu pihak IPT dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengenal pasti bahan yang diperlukan untuk membasmi buta al-Quran dikalangan pelajar-pelajar.
- iii. Memberi komentar yang positif kepada pengasas dan penyusun serta penerbit Teknik *al-Baghdadi* untuk meningkatkan mutu prestasinya.
- iv. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjelaskan kemahiran-kemahiran asas yang penting yang perlu diperhatikan dan diperkukuhkan dalam bacaan asas al-Quran.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Dalam membuat kajian ini, beberapa kaedah dan metod akan digunakan dalam mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Kajian ini merupakan kajian eksperimen yang dijalankan secara ujian bacaan. Penulis merupakan guru yang terlibat secara tidak langsung dengan kajian ini yang akan mengawal persekitaran pembelajaran.

Kajian ini dijalankan bermula pada bulan Oktober 2011 hingga Disember 2011. Pra Ujian akan dijalankan diperingkat awal kedatangan mereka ke kelas dan dapatan akan dicatat. Sebaik sahaja mereka tamat belajar, menggunakan Teknik *al-Baghdadi* sekali lagi ujian akan dijalankan dan tampoh pembelajaran akan dicatat. Pada bulan Januari sekali lagi ujian dijalankan untuk memastikan tahap penguasaan pelajar untuk dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Ujian sebanyak dua kali sahaja akan dijalankan terhadap kumpulan kawalan iaitu Pra Test dan Post Test.

Soal selidik secara lisan juga digunakan semasa proses ujian dijalankan.

Pemerhatian akan dijalankan terhadap markah-markah, pengisian buku *Tamhid al-Baghdadi* dan latar belakang sampel untuk dibuat analisis dapatan secara statistik dalam bentuk jadual dan penghuraiannya.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran yang akan mengikuti pembelajaran al-Quran menggunakan Teknik *al-Baghdadi*. Hasil ujian bacaan dijadikan dasar keberkesanan teknik yang digunakan. Seramai 25 orang pelajar yang terlibat.

## 1.9 Rangka Kajian

Kajian ini mengandungi 5 bab sahaja. Bab pertama meliputi pengenalan kepada kajian. Aspek-aspek di dalam bab ini ialah permasalahan kajian, objektif kajian, latar belakang sampel kajian, dan bahan kajian iaitu pengenalan Teknik *al-Baghdadi* dijelaskan secara terperinci dari semua aspek termasuk teknik dan pendekatannya, batasan kajian, metodologi kajian, hipotesis kajian dan kepentingan kajian.

Bab kedua mengandungi tinjauan literatur yang terhimpun padanya pengenalan membaca, hubungan membaca dan mengenal huruf, kaedah-kaedah mengajar al-Quran, pendekatan mengajar bacaan permulaan, pengajaran dan pembelajaran al-Quran, tinjauan berkaitan dengan kemahiran bacaan al-Quran, huruf-huruf al-Quran, sifat dan makhrajnya serta tanda-tanda baris dalam al-Quran mengikut *Rasm Uthmani*.

Bab ketiga diterangkan metodologi kajian, latar belakang sampel, instrumen yang digunakan dan kaedah pengumpulan data.

Bab keempat dinyatakan analisis data hasil daripada kajian yang dijalankan.

Bab kelima penulis merumuskannya dalam satu bab iaitu rumusan dan cadangan.